SUKJ.DN. 600-3/4/1-JLD. 21

MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025, JAM 9.30 PAGI

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. DOA.

2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.

3. PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT -

- Bilangan 20 hingga 28 Tahun 2025

4. SOALAN LISAN

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 1 (A39)

Apakah inisiatif kerajaan negeri bagi membantu rakyat menghadapi peningkatan kos sara hidup serta bagaimana peningkatan hasil negeri dimanfaatkan untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat Johor terus terjamin.

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 2 (A79)

Apakah strategi utama kerajaan negeri dalam membantu rakyat berdepan dengan peningkatan kos sara hidup, dan bagaimana hasil negeri dimanfaatkan untuk memperkukuh kesejahteraan rakyat Johor?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 3 (A116)

Bagaimanakah kerajaan negeri merangka inisiatif untuk membantu rakyat menghadapi tekanan kos sara hidup, dan dalam masa yang sama memastikan hasil negeri dimanafaatkan demi kesejahteraan rakyat Johor?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 4 (A144)

Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dalam meringankan beban kos sara hidup rakyat, serta bagaimana peningkatan hasil negeri digunakan bagi menjamin kesejahteraan mereka?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 5 (A48)

Apakah perancangan dan persediaan kerajaan bagi menghadapi situasi gempa bumi seperti yang pernah berlaku di daerah Segamat baru-baru ini?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 6 (A92)

Apakah perancangan dan pelan intervensi kerajaan negeri ekoran kejadian gempa bumi yang dilaporkan berlaku di Daerah Segamat baru-baru ini sebagai persiapan sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini pada masa akan datang?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 7 (A129)

Johor telah mengalami gempa bumi lemah di Segamat akibat pergerakan sesar mendatar sinistral kerak bumi. Apakah persediaan jangka panjang kerajaan bagi menyediakan satu pelan tindakan khusus menangani kesan bencana gempa bumi sekiranya ia berlaku dalam skala kuat dan menyebabkan kemusnahan?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 8 (A98)

Susulan kejadian gempa bumi di negeri Johor, apakah kerajaan negeri mempunyai perancangan membuat kajian berkenaan kebarangkalian dan kemungkinan lebih buruk pada masa akan datang? Ini untuk meyakinkan pelabur bahawa negeri Johor selamat untuk menjadi lokasi pelaburan mereka.

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 9 (A20)

Malaysia berada di dalam 'Lingkaran Api Pasifik' yang mendedahkan kepada risiko gempa sebagaimana berlaku di Segamat, pada Ahad, 24 Ogos yang lalu. Apakah kesiapsiagaan negeri dalam menjaga keselamatan rakyat dan lain-lainnya jika fenomena ini berlaku?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 10 (A107)

Memandangkan Johor telah mengalami gempa bumi di Segamat baru-baru ini, apakah rancangan atau persiapan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri sekiranya gempa bumi berlaku?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 11 (A157)

Boleh kerajaan negeri memberi penjelasan mengenai tahap risiko gempa bumi di Johor, termasuk lokasi garis sasar yang dikenal pasti, dan apakah perancangan masa depan bagi memperkukuhkan tahap keselamatan pusat data serta infrastruktur kritikal lain sekiranya berlaku gegaran bumi?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 12 (A109)

Dua kali gempa bumi lemah telah berlaku di Segamat dan nasib baiknya tiada laporan kecederaan. Apakah langkah kerajaan negeri mengambil bagi mengelakkan kecederaan berlaku di masa depan? Apakah inisiatif yang kerajaan negeri bagi membantu mereka yang mengalami kerugian?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 13 (A150)

Sempena Tahun Melawat Johor 2026, apakah inisiatif kerajaan kepada pengusaha pertanian sebagai galakan kepada mereka di dalam memacu ke arah agro pelancongan?

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 14 (A19)

Bandar Muar salah sebuah daerah tertua di negeri Johor yang menyimpan banyak jejak-jejak warisan yang belum dirungkai sepenuhnya. Apakah perancangan kerajaan negeri untuk memugar sejarah kegemilangan Bandar Maharani ini.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 15 (A145)

Adakah kerajaan negeri bercadang mewujudkan skim sewa beli (*rent-to-own*) untuk generasi muda di kawasan luar bandar yang masih tidak layak memohon pinjaman perumahan?

YB TUAN SYED HUSSIEN BIN SYED ABDULLAH (MAHKOTA)
SOALAN 16 (A76)

Mahkota mencadangkan penambahan khemah penjaja (PUJB) pada masa akan datang bagi tujuan untuk menyelaraskan bagi kawasan tersebut.

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 17 (A52)

Apakah peranan kerajaan negeri dalam menangani kes buli di sekolah, khususnya di asrama penuh? Mohon pencerahan mengenai strategi dan langkah pelaksanaan bagi meningkatkan keselamatan serta kesejahteraan pelajar.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 18 (A104)

Sejauh manakah usaha Kempen Anti-buli Negeri Johor telah dilaksanakan dan apakah rancangan seterusnya?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 19 (A180)

Buli adalah gejala yang sangat membimbangkan di sekolah pada waktu ini. Apakah fokus Kerajaan Negeri Johor mengatasi masalah buli di sekolah terutama kes buli di sekolah berasrama?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 20 (A46)

Bagaimana kerajaan memastikan isu buli tidak hanya diselesaikan dengan hukuman, tetapi juga program pemulihan terhadap pelaku buli? Adakah peruntukan bajet mencukupi bagi program kesedaran, kempen anti-buli, dan sokongan psikososial di sekolah?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 21 (A6)

Rakyat masih mengadu berkaitan kacau ganggu gajah liar di kawasan Endau khususnya di Tenglu. Mohon tindakan pihak kerajaan untuk tangani isu ini kerana banyak kerosakan tanaman dan membahayakan nyawa rakyat.

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 22 (A83)

Berapa ramaikah guru guru Sekolah Agama Kerajaan Johor yang telah bertukar / berpindah ke Sekolah Kebangsaan / Sek Menengah Kebangsaan, apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengekang perkara ini dari terus berlaku?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 23 (A53)

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membangunkan rumah perlindungan warga emas di setiap daerah? Mohon penjelasan mengenai dasar serta pelaksanaan yang dirancang.

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 24 (A12)

Berapakah jumlah keseluruhan pelaburan asing dan domestik yang telah diluluskan di Johor bagi tahun 2025, serta sektor manakah yang memberikan impak terbesar terhadap peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 25 (A1)

Adakah kerajaan bersedia untuk mengadakan kembali kursus haji di daerah Mersing memandangkan ketika ini Mersing sudah tiada kursus haji diadakan dan para tetamu Allah terpaksa ke daerah lain untuk menjalankan kursus haji.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 26 (A2)

Berapa jangka masa yang diambil oleh pihak jabatan untuk melulus atau menolak sesuatu permohonan yang lengkap berkaitan bantuan OKU dan bagaimana pemohon akan mengetahui permohonan mereka diluluskan atau tidak?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 27 (A3)

Adakah kerajaan bersedia menyediakan sejumlah peruntukan untuk membaiki Sekolah Agama Tan Sri Abd Kadir Endau yang telah uzur dimana kini bangunan asalnya telah ditutup akibat mendapan manakala kini pelajar terpaksa belajar di surau yang mana suraunya pula banyak kerosakan?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 28 (A4)

Apakah langkah-langkah yang akan atau sedang diambil oleh pihak kerajaan untuk mengurangi masalah terputus jalan antara Johor - Mersing dan Kluang - Mersing akibat banjir atau lintasan air memandangkan kita menghampiri musim monsun?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 29 (A5)

Mohon pihak kerajaan nyatakan masalah kerosakan lampu isyarat di hadapan Sekolah Kebangsaan Tenglu dan apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan lampu itu berfungsi kerana ianya melibatkan keselamatan ibu bapa dan pelajar di sekolah tersebut?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 30 (A7)

Apakah status terkini projek loji rawatan air baharu yang dirancang di Johor serta bagaimana kerajaan negeri menjamin bekalan air bersih mencukupi sehingga tahun 2030?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 31 (A8)

Apakah kesan pembinaan pusat data berskala besar di Johor terhadap bekalan tenaga elektrik dan air negeri, serta langkah memastikan rakyat tempatan mendapat manfaat pekerjaan dan limpahan ekonomi daripada pelaburan ini?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 32 (A10)

Bagaimana kerajaan negeri memastikan PBT lebih tegas terhadap pemaju yang culas dalam menyiapkan projek yang sudah lama terbengkalai dan sakit sebagai contoh di Taman Satria di Kukup?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 33 (A11)

Berapakah jumlah kes buli yang dilaporkan di sekolah-sekolah di Johor dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah tersebut?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 34 (A13)

Apakah rancangan kerajaan negeri mempromosi dan memperkembangkan sektor pelancongan terutama di daerah Segamat?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 35 (A14)

Adakah ADUN perlu menanggung kos untuk menganjurkan Program Sambutan Hari Wanita dengan YPKDT?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 36 (A15)

Bilakah bekalan komputer riba akan diagihkan ke Johor seperti mana diluluskan oleh Kementerian Pendidikan dalam projek Perkhidmatan Sewaan Perkakasan ICT Mesra Alam? Dan, berapa unit akan diagih ke setiap sekolah secara terperinci di dalam kawasan DUN Jementah?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 37 (A16)

Adakah sebarang rancangan atau syarat yang baru akan dikenakan dalam Negeri Johor untuk mewajibkan semua pembangunan kedai untuk membina infra untuk OKU seperti laluan khas untuk kerusi roda atau laluan bertekstur?

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 38 (A17)

Berapakah jumlah bekalan air terawat yang diuruskan Ranhill SAJ sekarang dan adakah mencukupi untuk menampung permintaan daripada semua sektor termasuk kediaman dan perindustrian? Berapakah jangkaan penawaran dan permintaan air terawat pada tahun 2030 dengan mengambilkira permintaan dari pembangunan pusat-pusat datanya?

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 39 (A18)

Negeri Johor dikenal pasti mempunyai simpanan nadir buminya dibeberapa kawasan. Daerah manakah keberadaannya, berapakah jumlah bahan logam ini dan apakah perancangan serta halatuju kerajaan bagi memanfaatkan bahan galian ini dalam pembangunan negeri dan negara?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 40 (A9)

Berapakah jumlah pelancong luar negara yang masuk ke Johor melalui pintu sempadan Kukup, Puteri Harbour dan Stulang pada tahun 2024 dan 2025, serta apakah strategi untuk meningkatkan jumlah pelancong ke destinasi ekopelancongan menjelang Tahun Melawat Johor 2026?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 41 (A21)

Bagaimana kerajaan Johor memastikan penggunaan air dan eletktrik adalah memadai dengan kemasukan pelaburan DATA CENTER?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 42 (A22)

Mohon menjelaskan hari yang akan dikenakan dan yang tidak dikenakan untuk membayar yuran parkir kereta di semua PBT Johor?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 43 (A23)

Apakah rancangan kerajaan Johor untuk membangunkan semula R&R Pandan EDL?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 44 (A24)

Apakah status rancangan, laluan serta jajaran stesen yang dirancang untuk ART di Johor Bahru?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 45 (A25)

Adakah kerja baik pulih pangsapuri yang bernilai RM42.1 juta untuk 4 flat uzur di Johor telah disiapkan? Senaraikan skop kerja secara terperinci untuk setiap flat dengan wang yang telah dibelanjakan.

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 46 (A26)

Apakah fokus utama kerajaan negeri terhadap pelaksanaan JS-SEZ agar ianya selari dengan aspirasi Maju Johor khususnya menjelang tahun 2030? Apakah pula perancangan halatuju JS-SEZ pasca tahun 2030?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 47 (A27)

Bagaimanakah JS-SEZ dapat membantu merealisasikan Visi Maju Johor 2030. Apakah tumpuan utama JSSEZ sebelum 2030 dan tumpuan selepas 2030?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 48 (A28)

Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) bergelap lebih 12 jam. Adakah/apakah kerajaan negeri menyediakan backup plan untuk memastikan operasi pemeriksaan keselamatan tidak lumpuh dan membuka ruang pencerobohan apabila berlaku gangguan elektrik di pintu masuk negara?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 49 (A29)

Adakah Kerajaan Johor bercadang untuk menggubal Enakmen Anti-Buli Negeri Johor yang boleh menyokong undang-undang persekutuan dan memberikan kuasa tambahan kepada pihak sekolah serta agensi negeri?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 50 (A30)

Bagaimana status projek tiga empangan dan tiga loji rawatan air yang diumumkan bagi memastikan Johor mencapai kemandirian air menjelang 2030?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 51 (A31)

Bagaimana kerajaan negeri boleh memanfaatkan hubungan dengan Singapura untuk pelancongan, pendidikan dan pelaburan bersama khususnya di luar bandar?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 52 (A32)

Apakah usaha kerajaan negeri untuk menilai semula garis pendapatan B40, M40 dan T20 agar lebih selaras dengan kos sara hidup sebenar di Johor, khususnya di kawasan bandar?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 53 (A33)

Apakah strategi kerajaan negeri Johor untuk mempercepatkan pembangunan industri hiliran pertanian di kawasan Muar, khususnya di DUN Bukit Naning, bagi mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan mengurangkan penghijrahan belia keluar daerah?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 54 (A34)

Adakah peruntukan tahun 2025 akan merangkumi kerja-kerja menaik taraf Jalan Parit Tengah – Bukit Naning yang sering mengalami kerosakan akibat kenderaan berat, dan apakah jadual pelaksanaan projek tersebut?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 55 (A35)

Apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri untuk menangani masalah banjir kilat di kawasan rendah seperti Parit Zin Bakri, Parit Bagan, Parit Tengah, dan Parit Yusof, termasuk penyelenggaraan parit dan sistem perparitan utama?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 56 (A36)

Apakah rancangan kerajaan negeri untuk menambah klinik kesihatan atau memperluas perkhidmatan klinik bergerak di kawasan luar bandar Bukit Naning, memandangkan pertambahan populasi warga emas yang memerlukan pemantauan kesihatan berkala?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 57 (A37)

Apakah langkah kerajaan negeri dalam memastikan liputan internet berkelajuan tinggi di seluruh DUN Bukit Naning, selaras dengan agenda

Johor Digital 2030, untuk membolehkan koperasi, usahawan kecil, dan pelajar mendapat manfaat daripada ekonomi digital?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 58 (A38)

Nyatakan jumlah koperasi aktif di DUN Bukit Naning, jenis aktiviti perniagaan yang dijalankan, prestasi keuntungan tahunan, serta bantuan kewangan atau latihan yang telah diberikan oleh kerajaan negeri sejak 2023.

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 59 (A40)

Apakah impak dan keberkesanan program "Jenguk Jiran" yang diadakan? Berapa ramaikah jumlah peserta dalam program yang telah dilaksanakan untuk tahun 2025 (setakat ini) mengikut pecahan DUN?

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 60 (A41)

Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri dalam menangani masalah kekurangan liang lahad di tanah perkuburan sedia ada. Apakah bentuk penyelesaian yang akan dilaksanakan supaya isu kekurangan liang lahad tidak berlaku dan mendesak pada masa akan datang?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 61 (A42)

YAB Menteri Besar Johor pada 29 September 2023, ada menawarkan bantuan tanah untuk tanaman padi kepada rakyat Johor. Sejauh mana tawaran tersebut mendapat penyertaan dan apakah usaha kerajaan negeri dalam membantu pesawah meningkatkan hasil tanaman padi negeri ini.

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 62 (A43)

Johor mensasarkan menjadi nageri maju menjelang 2030. Bagaimanakah JS-SEZ dapat membantu merealisasikan Visi Maju Johor 2030 dan apakah tumpuan utama JSSEZ sebelum 2030 dan tumpuan selepas 2030?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 63 (A44)

Bagaimana mekanisme aduan awam terhadap kedai yang menjual arak berdekatan kawasan sensitif (sekolah, masjid, taman perumahan)? Adakah terdapat garis panduan seragam antara pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh Johor mengenai isu ini?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 64 (A45)

Apakah program kerajaan negeri bagi meningkatkan peluang pendidikan dan latihan kemahiran untuk belia di Kota Tinggi yang tidak melanjutkan pelajaran ke IPT?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 65 (A47)

Apakah cabaran wanita dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan apakah usaha bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang STEM?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 66 (A49)

Bilakah kerajaan akan memberikan peruntukan kepada Jabatan Meteorologi Malaysia Negeri Johor bagi penambahan Stesen Meteorologi Automatik Auksiliari (AAWS) di seluruh negeri seperti yang pernah dibawa dalam syor Rundingan Kesan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Johor di Dewan tahun lepas?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 67 (A50)

Apakah fungsi aplikasi MyIBJKM? Siapa yang boleh menggunakannya? Bagaimana pengolahan data dan maklumat yang tersimpan didalamnya boleh dikongsi untuk mengenalpasti mangsa banjir pada masa akan datang?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 68 (A51)

Sejauh manakah usaha kerajaan negeri dalam menangani isu peningkatan kos sara hidup, dan bagaimana hasil negeri dimaksimumkan untuk memastikan kebajikan rakyat Johor terus terpelihara?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 69 (A54)

Apakah usaha kerajaan negeri memperluas peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada belia Johor melalui kerjasama dengan industri berteknologi tinggi di Iskandar Malaysia dan Pengerang?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 70 (A55)

Apakah pendekatan baharu yang dirancang kerajaan negeri bagi memastikan masalah jalan berlubang dan kekurangan lampu jalan dapat ditangani secara lebih berkesan serta mampan demi keselamatan rakyat?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 71 (A56)

Apakah kerjasama sedang dijalankan antara kerajaan negeri dan PDRM dalam menangani jenayah jalanan, dadah dan penipuan dalam talian di negeri Johor?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 72 (A57)

Apakah status terkini kepada perancangan Pusat Aduan Bersepadu Negeri Johor?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 73 (A58)

Apakah pendirian dan pandangan Kerajaan Negeri Johor terhadap penyelarasan tarif baharu air yang diluluskan baru-baru ini?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 74 (A59)

Apakah penilaian kerajaan negeri terhadap kesan pembinaan dan operasi pusat data di Johor terhadap pelepasan gas rumah hijau, memandangkan pusat data menggunakan tenaga elektrik dalam jumlah yang tinggi?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 75 (A60)

Mohon kerajaan negeri menyatakan jumlah eksport Johor ke Amerika Syarikat dalam tempoh 3 tahun terakhir dan anggaran penurunan nilai eksport akibat pelaksanaan tarif 19% dan impat kepada pertumbuhan ekonomi negeri pada tahun ini?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 76 (A61)

Apakah statistik terkini jumlah warga emas (berumur 60 tahun ke atas) di Johor, dan apakah unjuran peningkatan populasi warga emas menjelang tahun 2030?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 77 (A62)

Bilakah laporan penuh kajian kebolehlaksanaan Lebuhraya Pantai Barat (WCE) - Hubungan Selatan ini dijangka siap, dan berapa lamakah tempoh masa yang diperlukan untuk menyiapkan laporan tersebut?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 78 (A63)

Apakah tindakan pihak kerajaan negeri terhadap kewujudan longgokan sampah haram di atas rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), khususnya yang kerap berlaku di kawasan luar bandar dan berhampiran sungai?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 79 (A64)

Adakah Kerajaan Negeri bercadang menambah peruntukan bagi pemasangan lampu jalan di kawasan kampung dalam DUN Pekan Nanas, memandangkan masih banyak laluan utama yang gelap dan menimbulkan risiko keselamatan kepada penduduk?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 80 (A65)

Berapa jumlah kampung di DUN Pekan Nanas yang masih tidak mempunyai akses internet stabil, dan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan semua kawasan menerima liputan rangkaian yang baik bagi menyokong keperluan pendidikan, ekonomi dan urusan harian penduduk?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 81 (A66)

Adakah Johor mempunyai rumah sakit jiwa untuk pesakit mental kronik? Jika tiada, adakah Kerajaan Negeri bercadang berbincang dengan Persekutuan untuk pembinaan pusat sedemikian, serta berapa jumlah pesakit direkodkan dan mekanisme pemantauan mereka?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 82 (A67)

Apakah perkembangan terkini projek pembinaan jalan perhubungan Pekan Nanas dari persimpangan Jalan Gelang Patah–Ulu Choh (J7) ke Jalan Sawah (J133)?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 83 (A68)

Johor mencatat pelaburan RM56 bilion Jan-Jun 2025. Apakah strategi Kerajaan Negeri memastikan IKS tempatan bukan sekadar pemerhati, tetapi turut menikmati limpahan ekonomi ini, agar manfaat pembangunan tidak hanya berpihak kepada syarikat besar dan pelabur asing?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 84 (A69)

Apakah status terkini papan tanda nama Parit dan Sungai disekitar daerah Muar yang telah uzur, rosak, dan sudah tidak jelas tulisannya di sekitar daerah Muar?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 85 (A70)

Adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk menaik taraf kolam ikan di sepanjang Parit Perupok hingga ke Parit Keroma untuk dijadikan hab pelancongan dan pengeluar hasil kolam ikan dan udang?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 86 (A71)

Sejauh mana pencapaian bagi pelaksanaan Program Semarak Jawi Johor di jabatan-jabatan, agensi kerajaan dan sekolah-sekolah dalam negeri Johor?

YB TUAN SYED HUSSIEN BIN SYED ABDULLAH (MAHKOTA)
SOALAN 87 (A72)

Apakah strategi yang akan dilaksanakan oleh Majlis Pembangunan Bakat Johor untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir di bawah sektor-sektor utama JS-SEZ, di samping menyediakan peluang kerjaya bernilai tinggi untuk Bangsa Johor?

YB TUAN SYED HUSSIEN BIN SYED ABDULLAH (MAHKOTA)
SOALAN 88 (A73)

Apakah status terkini Projek Lebuhraya Tengah Selatan (SCR) yang menghubungkan antara Johor dan Negeri Sembilan melalui Jempol, Segamat, Kluang dan Pasir Gudang?

YB TUAN SYED HUSSIEN BIN SYED ABDULLAH (MAHKOTA)
SOALAN 89 (A74)

Kesesakan jalan raya di Jalan Batu Pahat - Kluang, terutamanya dari Taman Desa ke Bulatan Mahkota, apakah tindakan bagi menyelesaikan kesesakan ini?

YB TUAN SYED HUSSIEN BIN SYED ABDULLAH (MAHKOTA)
SOALAN 90 (A75)

Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor ada mengeluarkan produk-produk makanan asas, apakah tindakan kerajaan negeri bagi memperkasakan produk-produk yang dihasilkan oleh PPNJ?

YB TUAN SYED HUSSIEN BIN SYED ABDULLAH (MAHKOTA)
SOALAN 91 (A77)

Memohon kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah status tanah di Kolej Komuniti YPJ di Kluang, kerana Kolej YPJ Kluang antara dua kolej yang masih beroperasi di negeri Johor selepas penutupan Kolej Komuniti YPJ Batu Pahat.

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 92 (A78)

Dalam DUN Kemelah hanya satu Dewan Serbaguna Jalan Genuang yang lengkap kemudahan sepenuhnya. Apakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menaik taraf Dewan sedia ada seperti Dewan Masjid Bandar Putra IOI untuk kegunaan masyarakat setempat?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 93 (A80)

Berapakah hasil yang disumbangkan oleh sektor pelancongan kepada negeri untuk tahun 2025, bagaimana nak dipastikan hasil tersebut melebihi dari perbelanjaan kerajaan membangunkan infra dalam sektor pelancongan.

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 94 (A81)

Berapa banyak kes buli di sekolah yang direkodkan untuk tahun 2025 ini, apakah perancangan jabatan untuk memastikan pembuli ini dipulihkan dan tidak menjejaskan masa depan mereka.

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 95 (A82)

Apakah status permohonan pembinaan surau baru di Kampung Seri Baka Sengkang dalam DUN Gambir.

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 96 (A84)

Apakah ada perancangan negeri untuk membangunkan daerah-daerah dalam Johor Utara supaya dapat disatukan dan dimajukan secara bersepadu sebagaimana koridor pembangunan ekonomi yang telah diwujudkan?

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 97 (A85)

Mohon kerajaan negeri menjelaskan status projek-projek Tebatan Banjir Berkeutamaan Tinggi (TBBT) yang dijalankan di seluruh Johor, terutamanya di kawasan Johor Bahru serta jumlah peruntukan yang terlibat dalam setiap projek-projek TBBT.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 98 (A86)

Susulan jumlah pelaburan luar yang diluluskan bagi separuh tahun pertama 2025 mencecah angka RM56 bilion, mohon kerajaan negeri nyatakan berapa jumlah pekerjaan yang telah dicipta oleh pelaburan-pelaburan tersebut.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 99 (A87)

Dalam mendepani pandemik buli yang berlaku kepada anak-anak pelajar di sekolah, mohon kerajaan negeri jelaskan jumlah kes buli di sekolah yang dilaporkan sejak pandemik COVID19 hingga 2025 di negeri Johor serta langkah intervensi yang diambil bagi mengatasi gejala buli.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 100 (A88)

Mohon kerajaan negeri jelaskan punca gangguan air di beberapa kawasan seperti Taman Setia Indah (Precint 1, 2, 4, 5 & 6), Jalan Nibong (Taman Daya), Jalan Harmonium Precint 22 (Taman Desa Tebrau), serta perancangan bagi mengurangkan insiden gangguan bekalan ini.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 101 (A89)

42 pusat data sedang dibangunkan bagi menyokong Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan Pelan Digital Johor. Memandangkan laporan antarabangsa menekankan penggunaan tenaga dan air yang tinggi, adakah kerajaan negeri akan mengkaji strategi menangani isu perubahan iklim dari pembinaan pusat-pusat data ini?

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 102 (A90)

DYAM Tunku Ismail bertitah Johor mampu berdikari jika 25% cukai pendapatan dikembalikan kepada negeri. Apakah pendirian kerajaan negeri mengenai dasar fiskal ini dan tindakan susulan kepada kerajaan Persekutuan sekiranya titah tersebut diangkat?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 103 (A91)

Apakah pencapaian atlet-atlet Johor di sukan MSSM yang diadakan Perlis baru-baru ini? Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menggilap bakat mereka supaya mereka boleh menjadi atlet pelapis negeri ke SUKMA pada masa akan datang?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 104 (A93)

Apakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk menaiktaraf kawasan ekopelancongan di kawasan pesisir pantai seperti Kg Kong Kong Laut, Kg Tanjung Langsat, Kg Pasir Putih dan Kg Perigi Acheh menjelang Tahun Melawat Johor 2026?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 105 (A94)

Kerja-kerja pembaikan jalan seringkali menimbulkan ketidakpuasan hati pengguna jala nraya sama ada semasa pembaikan atau pasca pembaikan. Apakah kaedah yang digunakan oleh kerajaan dalam mempastikan segala manual prosedur kerja dipatuhi oleh kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pembaikan?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 106 (A95)

Apakah status terkini berkenaan pemindahan penduduk Blok 2 & 3 Flat Taman Jaya yang diisytiharkan tidak selamat diduduki?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 107 (A96)

Apa perancangan kerajaan negeri melalui PBT dalam menangani masalah banjir di kawasan perindustrian kecil di Perindustrian Shahbandar di mana banyak peniaga terjejas akibat banjir?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 108 (A97)

Adakah terdapat data ibu tunggal yang berjaya dikeluarkan dari masalah kewangan melalui iniseatif perniagaan bagi menambahkan sumber pendapatan di bawah skim-skim yang dilaksanakan pihak kerajaan negeri?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 109 (A99)

Apakah usaha kerajaan negeri dalam mengekang pembuangan sampah haram yang semakin berleluasa? Alasan diberikan kebiasaanya, harga per tan lori masuk ketapak pelupusan mahal dan kesesakan yang berlaku ditapak pelupusan.

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 110 (A100)

Sehingga kini, adakah terdapat data jumlah usahawan yang berjaya di bawah program keusahawanan PUJB?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 111 (A101)

Minta dinyatakan apakah keutamaan kerajaan negeri untuk memanfaatkan peluang pembangunan di bawah RMK-13 bagi meningkatkan daya saing ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat.

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 112 (A102)

Minta dinyatakan apakah projek yang diluluskan dalam RMK-13 dan apakah langkah-langkah yang dirancang oleh kerajaan negeri bagi projek-projek yang tidak diluluskan sebagai usaha memperkukuhkan pembangunan negeri Johor.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 113 (A103)

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk pindaan Enakmen Undang-Undang Tubuh Negeri berkaitan dengan ADUN lantikan seperti negeri Pahang, Terengganu dan Sabah?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 114 (A105)

Nyatakan rancangan kerajaan negeri untuk pindaan Enakmen supaya persempadanan semula DUN atau penambahan kerusi DUN sebelum PRU16.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 115 (A106)

Adakah Kerajaan Negeri Johor akan melaksanakan bayaran letak kereta pada hari Ahad di seluruh negeri Johor kerana MPBP telah tukar masa operasi di zon letak kereta dari Sabtu hingga Jumaat, hanya hari cuti umum dikecualikan?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 116 (A108)

Jelaskan status terkini termasuk serahan kunci dan pembaiki *defect* rumah bagi Taman Seri Molek Perdana.

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 117 (A110)

Masalah lambakan pelarian Rohingya dan Myanmar sehingga mendatangkan ketidakselesaan penduduk setempat dilihat semakin kritikal. Malahan statistik

jenayah melibatkan warga asing juga turut semakin meningkat. Apakah solusi dan tindakan dari pihak berwajib bagi menangani masalah berikut?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 118 (A111)

Johor Lama merupakan kawasan yang penuh dengan tempat-tempat bersejarah dan ianya juga merupakan asal muasal pembentukan negeri Johor yang kita cintai hari ini. Apakah langkah Kerajaan Negeri Johor dalam usaha memulihara kawasan pekarangan makam-makam lama di kawasan DUN Johor Lama?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 119 (A112)

Adakah pemantauan dan penilaian terhadap prestasi NADI di seluruh negeri Johor ada dijalankan? Sekiranya ada, apakah kaedah yang digunakan untuk mengkaji tahap keberkesanan program NADI?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 120 (A113)

Apakah plan dan langkah strategik Kerajaan Negeri Johor dalam menaiktaraf infrastruktur saliran seperti penyelenggaraan longkang utama bagi mengelak dari berlakunya banjir berulang?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 121 (A114)

Apakah tindakan dan usaha yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi isu lesen perniagaan tempatan yang diberikan kepada warga asing? Apakah jenis tindakan yang diambil oleh pihak berkenaan kepada pemberi sewa?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 122 (A115)

Kes murid yang tertekan, murung dan kes buli kian semakin membimbangkan. Adakah Kerajaan Negeri Johor mempunyai cadangan bagi menambah bilangan guru kaunselor dan mewujudkan modul khas pendidikan emosi dan sahsiah di sekolah-sekolah seluruh Johor?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 123 (A117)

Adakah kerajaan bercadang untuk menaja jurutera dan juruteknik dalam bidang aeroangkasa, berkolaborasi dengan industri aeroangkasa memandangkan industri ini sedang berkembang di negeri Johor khasnya di Kota Iskandar?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 124 (A118)

Berikutan daripada kewujudan Pusat Data yang menggunakan bekalan air serta elektrik yang amat tinggi, apakah langkah kerajaan dalam mempastikan bekalan dua kemudahan asas ini kepada rakyat mencukupi dan tiada gangguan untuk masa sekarang dan jangka panjang akan datang?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 125 (A119)

Dalam Kota Iskandar terdapat 11 buah kampung tradisional yang perlu diberikan perhatian kemudahan serta infra seiring dengan pembangunan JS-SEZ dan SFZ. Adakah kerajaan bercadang memilih kesebelas buah kampung ini sebagai 'Kampung Angkat' kepada syarikat-syarikat mega yang beroperasi didalamnya?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 126 (A120)

Gejala hisap vape dikalangan remaja bawah umur serta pelajar ditempat awam serta sekolah semakin membimbangkan. Ada vape menggunakan bahan kimia memberi kesan seperti dadah. Adakah kerajaan berhasrat untuk mengharamkan secara mutlak dan hukuman kepada penggunaan vape dikalangan remaja bawah umur?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 127 (A121)

Dalam forum Southeast Asia's Green Economy 2025 Report ada dibangkitkan isu kerentanan perubahan iklim di Johor. Adakah kerajaan negeri merancang ambil inisiatif mengadaptasi Green Economy untuk sektor marin dan tenaga boleh diperbaharui termasuk kejuruteraan termaju seperti turbin angin luar pesisir?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 128 (A122)

Nyatakan jumlah pusat data yang telah dibenarkan untuk beroperasi di seluruh Johor mengikut daerah serta jumlah keperluan air setiap hari oleh setiap pusat data dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri untuk meluluskan pusat data.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 129 (A123)

Nyatakan kos yang diperuntukkan untuk membiayai pengangkutan awam di Johor mengikut daerah, dan apakah sasaran "mode share" di antara pengangkutan awam dan kenderaan swasta?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 130 (A124)

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah Stesen Pemindahan Sisa (Transfer Station) di kawasan PBT, khususnya di Johor Bahru, memandangkan kini hanya satu beroperasi di Jalan Taruka?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 131 (A125)

Nyatakan rancangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengatasi kekurangan tempat letak kereta di kawasan tumpuan seperti Pasar Awam Taman Perling, khususnya yang disebabkan oleh individu bekerja di Singapura meletakkan kenderaan mereka sepanjang hari di lokasi tersebut.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 132 (A126)

Adakah kerajaan negeri akan membangunkan lebih banyak pusat aktiviti belia dan sukan yang lengkap di kawasan DUN Perling, dengan memberi tumpuan kepada pembangunan kemudahan moden seperti gelanggang futsal, gimnasium komuniti, dan pusat latihan seni kreatif?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 133 (A127)

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperkenalkan had masa letak kereta (time limit) dengan mewujudkan ‘kawasan hotspot parkir’ di kawasan tumpuan untuk memastikan kemudahan parkir awam digunakan secara adil oleh penduduk tempatan?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 134 (A128)

Insiden kebakaran di DUN Sungai Balang kerap berlaku kebelakangan ini. Adakah kerajaan berhasrat untuk memasukkan rancangan pembinaan sebuah Balai Bomba di DUN Sungai Balang dalam Pelan Rancangan Jangka Panjang RMK 13 kepada kerajaan Persekutuan?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 135 (A130)

Apakah kerajaan bercadang untuk menambahkan kuota baik pulih rumah di bawah MAIJ kepada kawasan DUN yang mengalami ribut kencang dan kerosakan rumah yang berlaku sebagaimana yang dialami oleh DUN Sungai Balang beberapa minggu lalu?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 136 (A131)

Bagi menggalakkan dan memperkasa bidang pelajaran STEM di luar bandar, bolehkah kerajaan menambah peruntukan kepada sekolah-sekolah luar bandar yang giat aktif dalam pertandingan berkaitan STEM; khasnya sekolah-sekolah di DUN Sungai Balang?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 137 (A132)

Apakah kerajaan berhasrat untuk merangka satu enakmen kesalahan tatalaku bagi hukuman kepada mereka yang sengaja menghina bendera negeri mahupun negara serta usaha memupuk dan mendidik rakyat dalam menghormati simbol tanah air yang berdaulat ini?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 138 (A133)

Mohon nyatakan statistik kesalahan seksual dan buli dalam kalangan pelajar mahupun kakitangan sekolah yang berlaku di DUN Sungai Balang bagi tempoh 10 tahun dan apakah usaha kerajaan dalam membendung fenomena tersebut daripada terus berlaku?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 139 (A134)

Adakah kerajaan akan mempertimbangkan pemohonan pengecualian bayaran tebusan anjing liar sebanyak RM250 seekor yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berdaftar memandangkan mereka membantu mengawal populasi anjing liar?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 140 (A135)

Apakah punca kerja-kerja membina tambahan pembetung di Seksyen 28.0 - 29.0 Saleng dan seksyen Susur Indahpura (Peladang) tidak dapat dilaksanakan memandangkan Menteri Kerja Raya telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM3 juta untuk 2 projek ini pada tahun 2024?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 141 (A136)

Berapakah pelaburan asing dicatatkan di Senai Airport City sejak tahun 2022 dan apakah impak dan manfaat terhadap rakyat berikutan pelaburan tersebut?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 142 (A137)

Apakah tindakan yang telah atau dalam rancangan bagi menaiktaraf Klinik Kesihatan Senai untuk mengurangkan kesesakan?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 143 (A138)

Apakah Prosedur Operasi Standard untuk menangani isu gelandangan khasnya orang yang mungkin ada masalah mental?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 144 (A139)

Sila nyatakan perancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah bekalan air yang diperlukan oleh pusat-pusat data khasnya dalam penggunaan air alternatif atau air pulih guna.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 145 (A140)

Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan domestik ke kawasan Zon Tengah Johor seperti Batu Pahat, dan adakah Parit Yaani terlibat dalam sebarang perancangan pembangunan industri atau kawasan ekonomi baharu?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 146 (A141)

Adakah kerajaan negeri akan memperluas program agro-pelancongan di kawasan luar bandar Parit Yaani sebagai sumber ekonomi alternatif kepada petani kecil?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 147 (A142)

Sejauh mana pencapaian pelaksanaan Agenda Maju Johor 2030 setakat tahun 2025, khususnya dalam aspek peningkatan taraf hidup di kawasan luar bandar seperti Parit Yaani?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 148 (A143)

Apakah pelan kerajaan negeri bagi penyelenggaraan jalan negeri dan jambatan kecil di kawasan luar bandar, terutamanya kawasan yang menjadi laluan utama pelajar dan petani?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 149 (A146)

Apakah rancangan kerajaan di dalam kerja membaikpulih laluan Jalan Kg. Rahmat, Batu Pahat yang rosak dan tidak siap sempurna selepas tamat tempoh jaminan?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 150 (A147)

Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap aduan pembakaran terbuka ataupun pencemaran dan apakah tindakan yang boleh diambil sekiranya terdapat keengganan pesalah di dalam mematuhi peraturan berulang kali?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 151 (A148)

Di dalam kerajaan mengekang wabak denggi, apakah langkah kerajaan di dalam memastikan tempat-tempat awam seperti kawasan pembinaan, kawasan lapang terbiar, kolam takungan dan longkang rosak yang mengakibatkan saliran air bertakung agar tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 152 (A149)

Apakah justifikasi dan sebab kerajaan di dalam melaksanakan kutipan bayaran parkir pada hari cuti hujung minggu?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 153 (A151)

Apakah status permohonan geran strata Rumah Pangsa Penggaram dan apakah inisiatif kerajaan di dalam membantu penduduk rumah pangsa tersebut berkaitan pemilikan geran strata?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 154 (A152)

Pusat data di Johor akan menyediakan sebanyak 6,000 peluang pekerjaan. Adakah rakyat Johor mempunyai kemahiran yang cukup bagi memenuhi peluang ini?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 155 (A153)

Penggunaan Basikal Elektrik kini semakin meluas dan wajar digalakkan sejajar dengan kempen rendah karbon. Adakah pihak kerajaan merancang

untuk membina laluan khas yang lebih selamat, khususnya di bahu jalan kawasan perumahan bagi menyokong penggunaan ini?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 156 (A154)

Adakah Pegawai Pendidikan Islam Daerah Segamat jelas dengan pengiktirafan "ADUN Pengimbang" menjunjung titah Yang DiPertuan Agong?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 157 (A155)

Apakah langkah kerajaan negeri bagi memastikan IWK menaik taraf loji kumbahan lama di Pasir Gudang kepada sistem mekanikal demi mengelakkan pencemaran sungai dan memastikan sistem kumbahan lebih efisien serta selamat untuk alam sekitar dan penduduk setempat?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 158 (A156)

Bagaimana sebenarnya peruntukan kempen advokasi melibatkan keganasan rumah tangga dibelanjakan secara terperinci, dan apakah indikator keberkesanan yang digunakan untuk menilai sejauh mana bahan-bahan tersebut benar-benar sampai kepada golongan sasaran serta memberi impak dalam mengurangkan kes keganasan rumah tangga di Johor?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 159 (A158)

Apakah syarat keselamatan yang dikenakan oleh kerajaan negeri kepada syarikat pemaju semasa proses kelulusan pembinaan pusat data baharu, dan bagaimana pemantauan terhadap pematuhan syarat-syarat ini dilaksanakan?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 160 (A159)

Boleh kerajaan negeri menjelaskan jumlah penggunaan air dan elektrik oleh pusat-pusat data yang kini beroperasi di Johor, serta apakah langkah yang sedang dirangka bagi memastikan bekalan asas untuk rakyat tidak terjejas oleh keperluan industri ini?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 161 (A160)

Dengan perancangan Forest City sebagai zon kewangan khusus, bolehkah kerajaan negeri memastikan pembangunan di sini juga melibatkan inklusif seperti kediaman mampu milik dan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 162 (A161)

RTS Link antara JB–Woodlands dijangka mula beroperasi pada Disember 2026, manakala jaringan pengangkutan awam domestik masih dalam kajian. Bolehkah pihak kerajaan negeri jelaskan status terkini projek ART sebagai sistem pengangkutan Bandar Johor Bahru?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 163 (A162)

Negeri Johor menjadi penyumbang terbesar kepada ekonomi negara. Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan persekutuan bagi membantu mengatasi masalah banjir termenung, banjir kilat dan banjir monsun di negeri Johor.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 164 (A163)

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan menangani masalah banjir kilat di Taman Universiti Parit Raja.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 165 (A164)

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan warga kampung melalui usaha pemasangan lampu-lampu jalan kampung.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 166 (A165)

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan komitmen pihak pemaju untuk mengatasi masalah banjir termenung di Kampung Baru, Sri Gading, Batu Pahat.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 167 (A166)

Minta dinyatakan usaha dan persediaan pihak kerajaan bagi menghadapi musim Monsun Timur Laut (MTL) tahun ini.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 168 (A167)

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan menjadikan industri pembuatan makanan IKS sebagai salah satu tarikan pelancongan melalui eco-pelancongan.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 169 (A168)

Apakah langkah kerajaan negeri bagi memastikan projek Pusat Pentadbiran Baharu Daerah Tangkak yang masih tergendala dapat diteruskan segera?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 170 (A169)

Apakah strategi kerajaan negeri untuk menggalakkan pelaburan baru di Tangkak, khususnya dalam sektor logistik, perindustrian, dan pelancongan?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 171 (A170)

Apakah usaha kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu perumahan mampu milik di Johor, khususnya di Tangkak yang masih kekurangan unit?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 172 (A171)

Apakah tindakan kerajaan negeri dalam meningkatkan keselamatan jalan raya di Tangkak, terutamanya jalan negeri yang sering berlaku kemalangan?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 173 (A172)

Apakah strategi kerajaan negeri untuk meningkatkan penglibatan belia dalam bidang ekonomi digital dan keusahawanan?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 174 (A173)

Apakah usaha kerajaan negeri untuk menggalakkan industri pelancongan domestik di Tangkak, khususnya sekitar Gunung Ledang dan kawasan warisan budaya?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 175 (A174)

Kerajaan negeri masih menunggu tarikh permulaan kuatkuasa seksyen 6 selaras dengan Seksyen 1(3) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022. Apakah usaha yang telah dilakukan kerajaan negeri untuk mempercepatkan proses ini. Hanya 2 negeri belum melaksanakan enakmen ini termasuk Johor.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 176 (A175)

Bolehkah PBT mempertimbangkan untuk membuat pengecualian denda bagi renovasi tanpa permit yang telah dibuat lebih 5 tahun atau yang dibina oleh pemilik lama bangunan?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 177 (A176)

Setiap PBT mempunyai carta perkhidmatan pelanggan yang rasmi yang menyatakan tempoh hari bagi sesuatu perkhidmatan, namun kami menerima banyak keluhan mengenai kelewatan yang ada sehingga berbulan-bulan bagi. Apakah mekanisma memantau pematuhan carta pelanggan ini?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 178 (A177)

Isu penutupan klinik Pontian disebabkan kesilapan dalam pemasangan bendera. Adakah Undang-Undang Kecil (UKK) PBT di Pontian mempunyai kuasa untuk menutup klinik yang berada dibawah bidang kuasa KKM?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 179 (A178)

Apakah rancangan pihak kerajaan bagi menjadikan Kluang di Johor Tengah sebagai bandar satelite untuk menerima limpahan ekonomi daripada ETS yang akan beroperasi hingga ke Johor Bahru pada akhir 2025 dan RTS yang dijangka pada 2027?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 180 (A179)

Sempena tahun melawat Johor 2026, adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk menambah perkhidmatan khas kepada pelancong, pemandu pelancong seperti teksi, bas khas di stesen keretapi ETS yang akan membawa terus pelancong ke tempat-tempat menarik dan memperkasa program pemandu pelancongan?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 181 (A181)

Bagaimana JKM membantu mangsa buli, khususnya kanak-kanak dan remaja dan apakah bentuk perlindungan atau sokongan psikososial yang disediakan JKM untuk mangsa buli?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 182 (A182)

Apakah status semasa liputan lampu jalan dan lampu solar di kawasan Senggarang dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan Kerajaan Negeri Johor untuk pemasangan lampu jalan dan solar di Senggarang bagi tahun semasa dan menjelang 2026?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 183 (A183)

Apakah peranan utama JS-SEZ dalam mendokong aspirasi Visi Johor Maju 2030 dan apakah sektor strategik yang diberi keutamaan dalam JS-SEZ untuk menyokong pembangunan Johor menjelang 2030?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 184 (A184)

Adakah kerajaan negeri Johor sudah merangka pelan pembaikan atau pembinaan semula benteng di Senggarang?

5. RUNDINGAN

5.1 Pemilihan Ahli Dewan Negara

5.2 Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2025

6. RANG UNDANG-UNDANG

6.1 Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2025.

Persidangan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.